

Bahas terbuka raja berperlembagaan

Usaha selamat sistem beraja

DI - 3 DEC 1990

KUALA LUMPUR, Ahad — Presiden Umno **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** menegaskan tujuan Umno membahaskan secara terbuka pencabulan sistem raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen di Kelantan, bukanlah untuk menukar sistem beraja di negeri itu atau mengadakan revolusi.

Menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno hari ini, beliau berkata sebaliknya, ia bertujuan mengingatkan mereka yang berkenaan mengenai penyelewengan yang berlaku.

Perdana Menteri memberitahu sidang akhbar kemudian bahawa Majlis Tertinggi (MT) Umno akan membincangkan segera semua cadangan berhubung usul raja dan perlembagaan yang dikemukakan oleh perwakilan pada Perhimpunan Agung Umno yang tamat hari ini.

Buat masa ini, kata Perdana Menteri, ada dua pilihan untuk menyelaraskan dan seterusnya melaksanakan cadangan berkenaan, iaitu:

- Mengemukakan terus usul yang diluluskan oleh Perhimpunan Agung Umno itu kepada Yang di-Pertuan Agong; atau

- Menubuhkan jawatankuasa yang

Laporan **AHMAD PUAD ONAH, JAILANI HARUN, MANJA ISMAIL, ZAINI ZAINUDIN, ZAMZAM OMAR, BADRULHISHAM OTHMAN, WAN HAMIDI HAMID, HAJI SARING SIRAD, NORAZMI TALIB, WAN SABARIAH SHIKH ALI dan ZULKOFI JAMALUDIN**

TEKS PENUH UCAPAN DI MUKA 6

akan menimbang bentuk tindakan yang perlu diambil dan kemudian, mengadakan mesyuarat agung khas untuk membincangkan perkara itu.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata: "Niat dan tujuan kita ialah untuk mengingatkan pihak tertentu awal-awal lagi akan penyelewengan yang telah berlaku dan bahayanya penyelewengan itu.

"Kita yakin jika tidak ditegur, maka pihak berkenaan akan meneruskan perbuatannya dan ini akan menyebabkan teguran yang lebih keras dan memburukkan suasana atau ia mungkin menyebabkan tindakan oleh pihak yang terkilang yang tidak boleh dibendung dengan mudah.

"Matlamat terakhir dan sebenar perbahasan kita ialah menyelamatkan sistem raja berperlembagaan di Malaysia. Perlembagaan dan undang-undang saja tidak boleh menyelamatkan apa

juga sistem kerajaan di mana-mana jua," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rakyat haruslah diberi hak untuk membincangkan isu raja berperlembagaan bagi mengelakkan kegelisahan yang terbuku di hati mereka daripada meletup sepertimana yang berlaku di beberapa negara.

Katanya perbincangan mengenainya adalah baik bagi membolehkan raja-raja Melayu sendiri mengetahui sama ada wujudnya perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat terhadap mereka.

Dengan itu, katanya, rakyat tidak akan menyimpan perasaan tidak puas hati itu sebegitu lama sehingga sampai ke suatu tahap yang tidak boleh dibendung.

Menurutnya, dalam sistem raja berperlembagaan, raja dipisahkan daripada pemerintahan dan kuasa mentadbir diberikan kepada rakyat melalui sistem demokrasi berparlimen.

"Pemerintahan seorang raja semestinya tidak boleh demokratik kerana raja tidak boleh ditukar. Sebaliknya pemerintahan yang diketuai oleh rakyat biasa yang dipilih melalui proses demokrasi, boleh ditukar melalui proses yang sama.

"Sudah tentu jika seorang rakyat yang dipilih menerajui kerajaan tidak menjalankan tugas dengan memuaskan atau melakukan kesalahan, ia boleh disingkir atau didakwa di mahkamah," katanya.